



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)  
[www.ijepe.com](http://www.ijepe.com)



## PERKEMBANGAN PSIKOSOSIAL DALAM KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI

### *PSYCHOSOCIAL DEVELOPMENT AMONG UNIVERSITY STUDENTS*

Fauziah Md Jaafar<sup>1\*</sup>, Tengku Faekah Tengku Ariffin<sup>2</sup>, Khaliza Saidin<sup>3</sup>, Fahainis Mohd Yusof<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia  
Email: mjfauziah @uum.edu.my

<sup>2</sup> Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia  
Email: faekah@uum.edu.my

<sup>3</sup> Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia  
Email: khaliza@uum.edu.my

<sup>4</sup> Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia  
Email: fahainis@uum.edu.my

\* Corresponding Author

#### Article Info:

##### Article history:

Received date: 06.06.2021

Revised date: 13.07.2021

Accepted date: 22.08.2021

Published date: 05.09.2021

##### To cite this document:

Md Jaafar, F., Ariffin, T. F. T., Saidin, K., & Yusof, F. M. (2021). Perkembangan Psikososial Dalam Kalangan Pelajar Universiti. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 6 (42), 248-270.

DOI: 10.35631/IJEPC.642021.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



#### Abstrak:

Pusat pengajian tinggi menghadapi pelbagai cabaran dan halangan dalam melahirkan graduan berkualiti yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik, tetapi juga berkembang secara holistik, bersedia untuk menghadapi ke pasaran kerja setelah tamat pengajian mereka di universiti. Ikutan isu ini, perkembangan psikososial yang mantap serta pengalaman belajar amat perlu kepada pelajar-pelajar di pusat pengajian tinggi. Institusi pengajian bertanggungjawab menyediakan pengalaman belajar serta program yang berkualiti dan relevan dengan kehendak industri pasaran kerja agar pelajar dapat mengaplikasi ilmu yang mereka perolehi di pusat pengajian. Melalui kaedah tinjauan, seramai 347 pelajar telah memberikan respon terhadap soal selidik kajian yang mengandungi sebanyak 61 item. Analisis data secara deskriptif dijalankan bagi melihat tahap perkembangan psikososial pelajar. Dapatan kajian menunjukkan faktor Penentuan Matlamat adalah tertinggi ( $M=4.07$ ) dan melebihi min skor bagi faktor Perkembangan Autonomi dan faktor Perkembangan Hubungan Interpersonal. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa faktor Penentuan Matlamat merupakan faktor Perkembangan Psikososial yang paling mantap. Ini menggambarkan bahawa keupayaan responden untuk menentukan matlamat hidup mereka adalah lebih tinggi berbanding faktor-faktor lain. Diharapkan kajian ini dapat memberi garis panduan dan sokongan sokongan secara empirikal terhadap Teori Perkembangan Psikososial untuk menjelaskan sumbangan pelajar dalam meningkatkan pembangunan psikososial mereka. Dari segi praktikal, pelajar

perlu didedahkan kepada lebih banyak peluang dan pengalaman sepanjang mereka berada di universiti.

**Kata Kunci:**

Perkembangan Psikososial, Penentuan Matlamat, Autonomi, Hubungan Interpersonal

**Abstract:**

Higher education institutions face various challenges and obstacles in producing quality graduates who not only excel academically but also grow holistically, ready to face the job market upon their graduation from university. In line with this issue, strong psychosocial development, as well as a learning experience, is very necessary for students in higher education. Educational institutions are responsible for providing quality learning experiences and programs that are relevant to the needs of the job market industry so that students can apply the knowledge they have acquired at the school. Through the survey method, a total of 347 students responded to the survey questionnaire containing 61 items. Descriptive data analysis was conducted to see the level of psychosocial development of students. The findings showed that the Goal Setting factor was the highest ( $M = 4.07$ ) and exceeded the mean score for the Autonomy Development factor and the Interpersonal Relationship Development factor. These findings also indicate that the Goal Setting factor is the most robust Psychosocial Development factor. This illustrates that respondents' ability to determine their life goals is higher than other factors. It is hoped that this study can provide guidelines and empirical support to the Theory of Psychosocial Development to explain the contribution of students in improving their psychosocial development. In practical terms, students need to be exposed to more opportunities and experiences throughout their time at university.

**Keywords:**

Psychosocial Development, Goal Setting, Autonomy, Interpersonal Relationships

**Pendahuluan**

Perkembangan psikososial merupakan salah satu proses yang akan dilalui oleh setiap individu dalam proses perkembangan Woolfolk (201). Menurut Foubert dan Grainger (2006) pula, perkembangan psikososial melingkupi aspek perlakuan dan sikap individu dari segi personal, interpersonal, fizikal serta psikologi individu tersebut. Perkembangan Psikososial juga berperanan penting dalam mempengaruhi pelajar berinteraksi dengan persekitaran kampus, kurikulum, struktur program dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh sesebuah institusi pengajian (Wachs & Cooper, 2002; Fauziah Md Jaafar & Tengku Faekah Tengku Ariffin, 2015). Pengalaman pelajar ketika di kolej juga boleh meninggalkan kesan terhadap perkembangan psikososial pelajar (Martin, 2000; Fauziah Md Jaafar & Tengku Faekah Tengku Ariffin, 2015). Hal ini menunjukkan bahawa institusi pengajian tinggi memainkan peranan penting dalam perkembangan psikososial pelajar, selain kecemerlangan akademik dan juga perkembangan sahsiah pelajar (Jamaludin Badusah, Rosna Awang Hashim, Mohd Majid Konting, Turiman Suandi, Maria Salih, & Norhafezah Yusof, 2009).

Pada amnya, kemajuan sesebuah negara adalah terletak kepada dua sumber utama iaitu modal insan dan juga fizikal. Namun begitu, masih terdapat isu yang tetap diperkatakan, khususnya perkembangan psikososial pelajar yang sering menjadi fokus perbincangan di pusat-pusat pengajian tinggi.

Individu yang mengalami proses perkembangan psikososial yang seimbang dalam setiap peringkat perkembangan akan menjadi individu yang berdikari, bertanggungjawab, berupaya meningkatkan keupayaan, boleh menyesuaikan diri dengan persekitaran sosial, boleh mengawal diri dengan baik, berupaya membentuk insan yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial seperti yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Rentetan itu, universiti memainkan peranan penting sebagai gedung ilmu yang berperanan dalam memberi persediaan dan pengalaman kepada pelajar khususnya perkembangan psikososial mereka. Kajian ini dijalankan bagi mengkaji tahap perkembangan psikososial pelajar iaitu Penentuan Matlamat, Perkembangan Autonomi dan Perkembangan Hubungan Interpersonal dalam kalangan pelajar universiti.

## Kajian Literatur

### *Teori Perkembangan Psikososial*

Teori Perkembangan Psikososial yang diketengahkan oleh Chikering dan Reisser (1993) diguna pakai dalam kajian ini memandangkan teori ini merupakan teori yang komprehensif dan sering dirujuk bagi mengatasi hal ehwal pelajar di pusat-pusat pengajian tinggi (Cooper, Healy, & Simson, 1994; Martin, 2000; Braxton & Lien, 2000; Lien 2002; Montelongo, 2002; Foubert & Grainger, 2006; Strayhorn & Saddler, 2009; Fauziah Md Jaafar & Tengku Faekah Tengku Ariffin, 2015). Chickering dan Reisser (1993) juga menyatakan bahawa setiap pelajar yang mendapat pendidikan tinggi seharusnya menampakkan perubahan terhadap perkembangan psikososial diri mereka. Teori ini telah memperkenalkan tujuh vektor perkembangan yang bakal dilalui oleh pelajar dalam pembentukan identiti bagi kematangan diri mereka iaitu: i) memperkembangkan kompetensi (*developing competence*); ii) mengurus emosi (*managing emotions*), iii) melalui pengalaman autonomi ke arah saling bergantung (*moving through autonomy toward interdependence*); iv) memperkembangkan perhubungan interpersonal yang matang (*developing mature interpersonal relationships*); v) memperkukuhkan identiti (*establishing identity*); vi) memperkembangkan halatuju (*developing purpose*); dan vii) memperkembangkan integriti (*developing integrity*).

Berdasarkan kajian lepas tujuh vektor ini boleh diterang dengan menggunakan tiga konstruk yang lebih umum iaitu: i) Penentuan Matlamat; ii) Perhubungan Interpersonal; dan iii) Perkembangan Autonomi. Ketiga-tiga konstruk ini merangkumi tujuh vektor bagimenerangkan Perkembangan Psikososial.

### *Penentuan Matlamat*

Dalam kajian ini Penentuan Matlamat merupakan dimensi di mana individu itu dapat mengenalpasti identiti dan membuat perancangan apa yang ingin dicapai dalam hidupnya. Penentuan Matlamat merangkumi tiga sub dimensi iaitu perancangan kerjaya, perancangan cara hidup dan penglibatan budaya. Ketiga-tiga sub dimensi ini amat penting bagi perkembangan identiti dan penentuan matlamat individu pelajar.

### ***Perkembangan Hubungan Interpersonal***

Kajian menunjukkan bahawa penglibatan pelajar dalam organisasi di institusi pengajian tinggi memberi pengaruh yang positif terhadap perkembangan perhubungan interpersonal yang matang (Foubert & Grainger 2006; Maria Chong Abdullah, Habibah Elias, Rahil Mahyuddin & Jegak Uli, 2009; Lane, Moore, Hooper, Menzies, Cooper, Shaw, & Rueckert, 2019). Foubert dan Grainger (2006) juga menegaskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara penglibatan pelajar dalam organisasi di kampus dengan perkembangan psikososial pelajar bagi pelajar tahun pertama dan tahun akhir. Ini menunjukkan bahawa Perkembangan Hubungan Interpersonal yang merupakan dimensi bagi Perkembangan Psikososial memainkan peranan penting bagi setiap individu pelajar di institusi pengajian tinggi.

### ***Perkembangan Autonomi***

Pada peringkat ini, tiada lagi pergantungan kepada ibu bapa tetapi mereka lebih bergantung dalam menjalinkan hubungan baru iaitu dengan rakan sebaya, dengan orang dewasa lain dan dengan rakan sekerja atau rakan satu institusi (Parker, Summerfeldt, Hogan & Majeski, 2004; Pascarella, & Terenzini, 2005). Namun sekiranya pelajar melalui peringkat perkembangan Autonomi Emosional mereka tidak kisah atau peduli sekiranya kehilangan kawan atau status kerana mereka mempunyai kekuatan dan keyakinan yang tinggi dalam apa juga situasi (Parker, et al., 2004; ).

Perkembangan psikososial pelajar di pusat pengajian tinggi memainkan peranan penting melalui pengalaman individu pelajar itu sendiri di kampus dan interaksi mereka dengan persekitaran bagi menjamin pencapaian akademik dan tidak berlakunya keciciran (Ekornes, 2021; Hovdhaugen, 2019).

### **Metodologi Kajian**

#### ***Reka Bentuk Kajian***

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk tinjauan, bagi mengkaji faktor-faktor Perkembangan Psikososial. Kajian berbentuk tinjauan merupakan satu kaedah yang terbaik dalam mengukur sikap, tingkah laku dan orientasi bagi satu jumlah populasi yang besar. Di samping itu kaedah ini juga adalah menyeluruh mengenai sesuatu isu atau masalah yang dikaji, masa yang diperlukan untuk mengutip data adalah terlalu singkat dan cepat serta maklumat yang kita perolehi adalah secara terus daripada responden (Cohen, Morrison, & Manion, 2018).

#### ***Persampelan***

Persampelan merupakan proses mendapatkan sampel bagi mewakili populasi. Populasi kajian ini, terdiri daripada pelajar tahun akhir Universiti Utara Malaysia dari pelbagai program. Jumlah populasi adalah 2231 orang. Dalam kajian ini, beberapa kaedah digunakan untuk strategi persampelan. Antanya ialah berdasarkan jadual penentuan saiz sampel (Krejcie dan Morgan (1970). Berdasarkan jadual penentuan saiz sampel tersebut, didapati saiz persampelan yang diperlukan ialah seramai 331 orang. Selain Krejcie dan Morgan (1970), Nunnally (1978) pula mencadangkan pengiraan bilangan sampel dibuat dengan mendarab bilangan pemboleh ubah yang diukur dengan sepuluh. Dengan mengambil kira cadangan Krejcie dan Morgan (1970) dan Nunnally (1978) maka bilangan sampel kajian ini selepas pembersihan data adalah seramai 347 yang dipilih secara rawak.

### ***Instrumen Kajian***

Instrumen *Student Development Task and Lifestyle Assessment (SDTLA)* (Winston, Miller & Cooper, 1999) diadaptasi oleh pengkaji bagi mengukur perkembangan psikososial pelajar. Instrumen ini mengetengahkan tiga faktor berikut bagi melihat perincian setiap faktor Perkembangan Psikososial iaitu Penentuan Matlamat, Perkembangan Hubungan Interpersonal dan Perkembangan Autonomi (Chickering & Reisser, 1993) kerana ketiga-tiga merangkumi tujuh vektor yang ingin dikaji dalam perkembangan psikososial (Cooper, et. al., 1994).

Bagi faktor Penentuan Matlamat, terdapat 21 item di bawah subdimensi iaitu Perancangan Kerjaya mengandungi 5 item, Perancangan Gaya hidup 10 item dan 6 item bagi subdimensi Pembudayaan Kesenian. Faktor kedua dalam perkembangan Psikososial pelajar, iaitu faktor Perkembangan Autonomi terdiri dari 24 item yang diklasifikasikan di bawah subdimensi Autonomi Emosional (10 item), Autonomi Sosial (9 item) dan Autonomi Instrumental (5 item). Seterusnya, bagi faktor Perkembangan Hubungan Interpersonal iaitu faktor ketiga dalam Perkembangan Psikososial pelajar, jumlah bilangan item adalah 16 item semuanya. Subdimensi Interaksi Rakan Sebaya (8 item) dan subdimensi toleransi (8 item). Setiap item diukur menggunakan skala likert yang meletakkan skala 1 (Sangat Tidak Setuju hingga skala 5(Sangat Setuju)).

### ***Dapatan Kajian***

Analisis bagi tahap perkembangan psikososial dijalankan bagi setiap faktor yang terangkum, iaitu faktor Penentuan Matlamat, faktor Perkembangan Autonomi dan faktor Perkembangan Hubungan Interpersonal. Ini dilakukan dengan menghitung purata skor. Berdasarkan skala 1 (Sangat Tidak Setuju) dan 5 ( Sangat Setuju), didapati min bagi faktor Penentuan Matlamat (  $M= 4.07$ ,  $SP=.47$ ) melebihi min skor bagi faktor Perkembangan Autonomi ( $M= 3.85$ ,  $SP= .39$ ). Min terendah didapati dalam faktor Perkembangan Hubungan Interpersonal ( $M= 3.68$ ,  $SP= .43$ ). Dapatan ini menganjurkan bahawa perkembangan psikososial yang paling mantap ialah dari segi keupayaan responden dalam menentukan matlamat hidup mereka ( $M=4.07$ ,  $SP=.47$ ) dan bagaimana mereka merancang dari aspek kerjaya demi masa depan berbanding dua faktor yang lain iaitu faktor Perkembangan Autonomi ( $M=3.85$ ,  $SP=.39$ ) dan faktor Perkembangan Hubungan Interpersonal ( $M= 3.68$ ,  $SP = .43$ ).

Jadual 1 di bawah memperincikan min dan sisihan piawai bagi semua pemboleh ubah yang dikaji bagi menjelaskan tahap Perkembangan Psikososial pelajar.

**Jadual 1: Min dan Sisihan Piawai Bagi Kesemua Pemboleh Ubah yang Dikaji**

<b>Pembolehubah</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
Penentuan Matlamat	4.07	.47
Perkembangan Autonomi	3.85	.39
Perkembangan Hubungan Interpersonal	3.68	.43

Jadual 2 di bawah memperincikan min dan sisihan piawai bagi semua dimensi bagi faktor pemboleh ubah yang dikaji bagi menjelaskan tahap Perkembangan Psikososial pelajar. Kalau dilihat setiap dimensi bagi faktor pemboleh ubah Penentuan Matlamat yang dikaji didapati Perancangan Gaya Hidup menunjukkan min yang tinggi ( $M=4.46$ ,  $SP.45$ ) berbanding Perancangan Kerjaya dan diikuti dengan Pembudayaan Kesenian. Dapatan ini menunjukkan responden berkeupayaan yang tinggi dalam merancang hidup mereka demi masa depan. Bagi faktor Perkembangan Autonomi pula, didapati dimensi Autonomi Emosional merupakan min

yang tertinggi ( $M=4.20$ ,  $SP.76$ ) berbanding dengan dimensi yang lain iaitu Autonomi Instrumental dan diikuti dengan Autonomi Sosial. Dapatan ini menunjukkan responden berkecenderungan dalam mengawal dan mengendalikan emosi mereka dalam apa juga situasi dan keadaan, mereka juga berkeyakinan dalam membuat keputusan dan individu yang berani mengambil risiko serta tidak bergantung kepada orang lain dalam apa juga keadaan. Seterusnya faktor Perkembangan Interpersonal didapati dimensi Hubungan dengan Rakan Sebaya merupakan min yang tertinggi bagi faktor ini iaitu ( $M=4.01$ ,  $SP=.56$ ). Dapatan ini bermaksud pelajar mempunyai hubungan yang matang dengan rakan seuniversiti. Kematangan yang ditonjolkan dari segi kepercayaan, kesetiaan mereka dan pada masa yang sama, mereka mampu berdikari dan mengekalkan identiti mereka.

**Jadual 2: Min dan Sisihan Piawai bagi setiap Dimensi Pemboleh ubah yang dikaji**

Dimensi	Min	Sisihan Piawai
<b>Penentuan Matlamat</b>		
Perancangan Kerjaya	4.44	.57
Perancangan Gaya Hidup	4.46	.45
Pembudayaan Kesenian	4.06	.61
<b>Perkembangan Autonomi</b>		
Autonomi Emosional	4.20	.76
Autonomi Sosial	3.97	.67
Autonomi Instrumental	3.99	.44
<b>Perkembangan Interpersonal</b>		
Hubungan dengan Rakan Sebaya	4.01	.56
Toleransi	3.64	.43

### Perbincangan

Kajian ini mendapati bahawa min bagi faktor Penentuan Matlamat adalah tertinggi ( $M=4.07$ ) dan melebihi min skor bagi faktor Perkembangan Autonomi dan faktor Perkembangan Hubungan Interpersonal. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa faktor Penentuan Matlamat merupakan faktor Perkembangan Psikososial yang paling mantap. Ini menggambarkan bahawa keupayaan responden untuk menentukan matlamat hidup mereka adalah lebih tinggi berbanding faktor-faktor lain iaitu faktor Perkembangan Autonomi seperti mengawal emosi dan berkeyakinan dalam membuat keputusan dan faktor Perkembangan Hubungan Interpersonal iaitu dari aspek kematangan hubungan pelajar dengan rakan seuniversiti serta penerimaan pelajar terhadap perbezaan bangsa dan budaya dalam komuniti mereka. Pelajar juga mungkin lebih memberi fokus kepada perancangan masa hadapan dan mencari maklumat tentang kerjaya yang akan diceburi selepas tamat pengajian. Mereka juga bersetuju bahawa mereka mempunyai perancangan dan strategi bagi mencapai matlamat hidup mereka sebaik sahaja mereka menyelesaikan pengajian.

Apabila pelajar memasuki pusat pengajian tinggi dengan pendedahan persekitaran dan pendidikan yang berbeza, maka akan berlakulah perubahan pada diri mereka khususnya, dari

segi perkembangan psikososial. Perubahan yang berlaku termasuklah perubahan dari segi pemikiran, psikologi, sosial dan personal. Sebahagian daripada perubahan ini disebabkan pelajar terpisah daripada ibu bapa mereka dan rentetan daripada itu, akan bermula pembentukan perkembangan autonomi pada diri pelajar (Chickering & Reisser, 1993; Kegan, 1982; Sunday, 2010; Strapp & Farr, 2010).

Kajian-kajian lepas juga membuktikan bahawa pusat pengajian atau kolej memainkan peranan penting dalam menangani perubahan pada diri pelajar dengan cara membantu pelajar menstabilkan identiti sendiri pelajar (Chickering & Reisser, 1993; Cohen, Mermelstein, Kamarch, & Hoberman, 1985; Erikson, 1968), membolehkan pelajar mempelajari kemahiran hidup, membentuk nilai-nilai, memberi fokus kepada kerjaya, serta mengembangkan kemahiran interpersonal dan gaya hidup pelajar (Pascarella & Terenzini, 2005, Fauziah Md Jaafar & Tengku Faekah Tengku Ariffin 2015; Lane, et.al., 2019). Berdasarkan kajian-kajian di atas, dapat dirumuskan bahawa sememangnya faktor-faktor Perkembangan Psikososial itu ada pada setiap individu pelajar, baik dari segi perkembangan Penentuan Matlamat dengan lebih tumpuan diberikan kepada perkembangan Hubungan Interpersonal, mahupun dari segi Perkembangan Autonomi.

Dari segi praktikal, kajian ini mengukur tahap perkembangan psikososial pelajar oleh itu adalah sangat relevan dan penting diaplikasikan di pusat pengajian tinggi hasil dari dapatan tersebut. Dengan itu para ilmuan, khususnya pensyarah akan menjadi lebih peka untuk memantau perkembangan psikososial pelajar.

Seterusnya dengan menggunakan maklumat tersebut juga pensyarah dapat melakukan intervensi dan perancangan terhadap individu pelajar yang dikenal pasti bermasalah. Dapatan kajian ini juga dapat meningkatkan kualiti persekitaran dan pengalaman pembelajaran pelajar sepanjang mereka di pusat pengajian. Diharapkan kajian ini dapat memberi garis panduan dan sokongan secara empirikal terhadap Teori Perkembangan Psikososial untuk menjelaskan sumbangan pelajar dalam meningkatkan pembangunan psikososial mereka. Dari segi praktikal, pelajar perlu didedahkan kepada lebih banyak peluang dan pengalaman sepanjang mereka berada di universiti. Akhir sekali, dapatan kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan oleh pensyarah dan pihak yang bertanggungjawab dengan institusi pengajian tinggi dalam merekabentuk kursus, kurikulum dan penilaian.

### **Kesimpulan**

Rumusan bagi kajian ini adalah menggambarkan betapa pentingnya perkembangan psikososial pelajar bagi melahirkan insan yang holistik dan kesediaan kerjaya di peringkat global serta sanggup menghadapi apa juga cabaran terutama dengan keadaan pandemik Covid-19.

Pada hal ini, pihak universiti perlu memainkan peranan dalam menyediakan ekosistem membolehkan pelajar menimba pengalaman Ketika di kampus dan meningkatkan pengetahuan, mengasah kemahiran sahsiah pelajar dan menimbulkan kesedaran bekerjaya pelajar sejajar dengan dunia pekerjaan semasa. Antara wahana yang diperkenalkan oleh pihak universiti ialah dengan menyediakan kaunseling kerjaya ataupun menubuhkan pusat penempatan kerjaya. Kesedaran bekerjaya (*career awareness*) berkait rapat dengan matlamat masa depan pelajar dan mempengaruhi cara responden menjawab item-item yang mengukur faktor Penentuan Matlamat. Oleh yang demikian setiap Institusi Pengajian Tinggi perlu peka dan mengkaji semula atau mempertingkatkan peranan Unit Kerjaya supaya sesuai dengan

keperluan pelajar dan juga negara dengan membina kesedaran kerjaya, meneroka bidang pekerjaan dan menjalankan latihan yang berkaitan kepada pelajar-pelajar universiti.

Justeru itu, kajian ini yang memfokuskan perkembangan psikososial pelajar amat bertepatan dengan situasi yang dihadapi dalam negara pada ketika ini. Dapatan ini bukan hanya memberi maklumat berkaitan dengan tahap perkembangan psikososial pelajar tetapi turut menjelaskan peranan yang dapat dimainkan oleh institusi pengajian tinggi dalam menyediakan program dan aktiviti pada pelajar khususnya dalam perancangan dan pendidikan kerjaya yang perlu dipandang serius oleh semua pihak dalam menangani masalah kesediaan terhadap kerjaya yang akan diceburi setelah tamat pengajian dan masalah pengangguran masa kini. Di samping, memberi penekanan terhadap faktor penyertaan pelajar sepanjang mereka di kampus kerana faktor ini mempengaruhi dalam memastikan perkembangan psikososial yang mantap.

### Rujukan

- Braxton, J. M., & Lien, L. A. (2000). The viability of academic integration as a central construct in Tinto's interactionist theory of college student departure. In Braxton (Ed.), *Reworking the departure puzzle*. Nashville: vanderbilt University Press.
- Chickering, A. W., & Reisser, L. (1993). *Education and identity* (2 ed). San Francisco: Jossey-Bass.
- Cohen, L., Morrison, K., & Manion, L. (2018). *Research methods in education* (8th ed.). Routledge.
- Cohen, S., Mermelstein, R., Kamarch, T., & Hoberman, H. M. (1985). Measuring the functional components of social support. Dlm. I.G., Sarason & B. R., Sarason, (Editor). *Social support: Theory, research, & application* (73-94). Dordrecht: Martinus Nijhoff Publishers.
- Cooper, D. L., Healy, M. A., & Simson, J. (1994). Student development through involvement: Specific Changes over time. *Journal of College Student Development*, 35, 98-102.
- Ekornes, S. (2021). The impact of perceived psychosocial environment and academic emotions on higher education students' intentions to drop out. *Higher Education Research & Development*. Vol. (40)(5)  
<https://www.tandfonline.com/doi/full/10.1080/07294360.2021.1882404>
- Erikson, E. H. (1968). *Identity: Youth and crisis*. New York : Norton.
- Fauziah Md Jaafar & Tengku Faekah Tengku Ariffin (2015). Perkembangan psikososial pelajar di sebuah institusi pengajian tinggi di Malaysia: Analisis perbezaan berdasarkan jantina. *Journal Kepimpinan Pendidikan*. Bil 2(1)1-9.  
<https://jupidi.um.edu.my/index.php/JUPIDI/article/view/8315>
- Foubert, J. D., & Grainger, L. U. (2006). Effects of involvement in clubs and organizations on the psychosocial development of first year and senior college students. *NASPA Journal*, Vol 43 (1)
- Hovdhaugen, E. (2019). *Causes of dropout in higher education: A research summary of studies based on Norwegian data*. NIFU Labour Note 2019:3. <http://hdl.handle.net/11250/2593810>
- Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (IPPTN) (2003). Masalah Pengangguran di kalangan siswazah. <http://www.usm.my/ipptn/fileup/pengangguran>.
- Jamaludin Badusah, Rosna Awang Hashim, Mohd Majid Konting, Turiman Suandi, Maria Salih, & Norhafezah Yusof (2009). *Pembangunan pelajar memperkasakan kurikulum institut pengajian tinggi*. Serdang: Universiti Putra Malaysia
- Lane, M., Moore, A., Hooper, L., Menzies, V., Cooper, B., Shaw, N., & Rueckert, C. (2019). Dimensions of student success: A framework for defining and evaluating support for



- learning in higher education. *Higher Education Research & Development*, 38(5), 954–968. <https://doi.org/10.1080/07294360.2019.1615418>
- Lien, L. A. (2002). *The role of social integration in students' psychosocial development*. PhD Thesis, University of Vanderbilt, Tennessee.
- Lippman, L., Atienza, A., Rivers, A. & Keith, J. (2008). *A developmental perspective on college & workplace readiness*. Washington: Child Trends and the Bill and Melinda Gates Foundation.
- Kegan, R. (1982). *The evolving self: Problem and process in human development*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Maria Chong Abdullah, Habibah Elias, Rahil Mahyuddin & Jegak Uli (2009). Adjustment Amongst First Year Students in Malaysian University. *European Journal of Social sciences*, Vol 4(3).
- Martin, L. M., (2000). The relationship of college experiences to psychosocial outcomes in students. *Journal of College Student Development*, 41, 294-303.
- Montelongo, R. (2002) Student participation in college student organizations: A review of literature. *Journal of the Indiana University Student Personnel Association*.
- Nunnally, J. C. (1978). *Psychometric Theory*. New York: Mc Graw Hill.
- Parker, J. D. A., Summerfeldt, L.J., Hogan, M.J., & Majeski, S.A. (2004). Emotional Intelligence and academic success: examining the transition from high school to university. *Personality and Individual Differences*, 36(1), 163-173.
- Pascarella, E. T., & Terenzini, P. T. (2005). *How college affects Students (Volume 2): A third decade of research*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Strapp, C. M., dan Farr, R.J. (2010). To get involved or not: The relation among extracurricular involvement, satisfaction, and academic achievement. *Teaching of Psychology*, 37, 50-54.
- Strayhorn, T. L., & Saddler, T. N. (2009). Gender differences in the influence of faculty-student mentoring relationships on satisfaction with college among African Americans. *Journal of African American Studies*, 13(4), 476-493.
- Sunday, A. (2010). The relationship between student's participation in school based extracurricular activities and their achievement in physics, department of science and technology education, university of Lagos, Lagos, Negeria. *International Journal Of Science And Technology*.
- Wachs, P. M., & Cooper, D.L. (2002). Validating the Student Developmental Task and Lifestyle Assessment: a longitudinal study. *Journal of College Student Development*, 43(1), 124-129.
- Winston, R. B., Miller, T. K., & Cooper, D. L. (1999). *Student Development Task and Lifestyle Assessment*. Athens, GA: Student Development Associates.
- Woolfolk, A. (2016). *Educational Psychology* (13<sup>th</sup> Ed). Boston: Pearson Education.